

Peningkatan jenayah remaja perlu segera ditangan

TERDAPAT seperti satu tren baru yang muncul pada hari ini apabila ramai juvana turut terlibat di dalam jenayah dan masalah sosial lain.

Berdasarkan statistik Polis Bukit Aman, terdapat sejumlah 7,816 kes yang melibatkan juvana dalam jenayah indeks pada tahun 2013 berbanding 3,700 kes pada 2012.

Di sebalik semua angka ini, golongan pelajar juga terlibat yang berjumlah 1,632 kes pada 2013 berbanding 1,042 kes pada 2012 yang menunjukkan peningkatan sebanyak 57%.

Malah pembabitian bukan pelajar pula berjumlah 6,184 kes pada 2013 berbanding 2,658 kes pada 2012 di mana ia menunjukkan peningkatan sebanyak 133%.

Tahun lepas menyaksikan kenaikan 47% dalam indeks jenayah kekerasan di seluruh negara di kalangan bawah umur yang berusia di antara 12 hingga 17 tahun bahkan ada yang terlibat di dalam kes pembunuhan dan rogol.

Kes-kes jenayah kekerasan meningkat daripada 368 kes pada 2012 hingga ke 542 kes pada akhir tahun lepas, turut melibatkan kalangan mereka yang masih bersekolah.

Kes yang melibatkan kanak-kanak sekolah dan kes kanak-kanak yang tidak ber-

Lee Lam Thye
menulis



sekolah sedang menyaksikan kenaikan 137% dengan 2,011 kes yang dilaporkan tahun lepas berbanding 849 kes pada 2012.

Kebanyakan kes bawah umur yang terlibat dengan jenayah adalah kerana pengaruh rakan sebaya yang negatif dan unsur-unsur gangsterisme yang cuba untuk menembus masuk ke dalam sekolah-sekolah kita.

Nampaknya seperti nilai-nilai murni tidak lagi mampu membendung tingkah laku ramai remaja berkenaan di mana mereka tidak lagi menghormati undang-undang dan seolah-olah kesedaran sivik semakin berkurangan. Malah sesetengah daripada mereka sehingga ke tahap tidak menghormati ibu bapa dan orang tua lagi.

Remaja muda 12 tahun telah mula berkecimpung di dalam aktiviti jenayah dan terlibat dengan penyalahgunaan dadah, perjudian dan gejala sosial lain yang sudah pasti akan menjejaskan masa depan mereka.

Ini adalah trend yang sangat membimbangkan dan perlu diberi perhatian oleh pihak berkuasa yang berkenaan dan unit-unit lain di dalam masyarakat secara keseluruhannya untuk mencari penyelesaian yang berkekalan.

Mengapa juvana dan remaja kita berkelakuan sedemikian? Mengapa mereka mengingkari dan tidak menghormati undang-undang sehingga sanggup memusnahkan masa depan mereka?

Persoalan ini bukan sahaja memerlukan jawapan tetapi juga penyelesaian.

Melihat kepada jenayah juvana dan gejala sosial lain yang melibatkan kanak-kanak dan remaja, program kaunseling yang turut melibatkan institusi keluarga dengan mempromosikan nilai-nilai murni yang baik memerlukan usaha yang lebih besar pada hari ini berbanding sebelumnya.

Nilai-nilai murni perlu terus dipelihara dan dipupuk untuk menjadi perisai terhadap pelbagai gejala sosial yang melanda masyarakat.

Apabila sebuah negara menuju ke arah kemajuan, institusi keluarga akan menjadi mangsa pertama di mana anak-anak tidak mendapat perhatian dan bimbingan yang

cukup dan boleh membawa kepada kemunculan pelbagai gejala sosial yang melibatkan remaja kita.

Anak-anak yang pulang dari sekolah akan mendapati diri mereka keseorangan di rumah kerana ibu bapa mereka berada di tempat kerja. Tiada seorang pun di dalam persekitaran itu yang akan membimbing mereka dengan kasih sayang ibu bapa, mengajarnya dan memupuk anak-anak tersebut tentang nilai-nilai keluarga yang baik.

Oleh kerana tidak mendapat bimbingan ibu bapa atau penjaga, mereka hanya mendapat panduan daripada rakan-rakan mereka. Dengan pengaruh negatif dan tekanan rakan sebaya, satu keadaan yang akan wujud yang akhirnya akan membawa kepada pelbagai masalah sosial.

Anak-anak yang membesar dalam persekitaran itu akan berakhir menjadi mangsa pelbagai penyakit sosial seperti ponteng sekolah, keganasan di sekolah, penyalahgunaan dadah dan juga terjerumus di dalam jenayah.

Jika masalah ini tidak ditangani dengan segera ia akan menyebabkan wujudnya jurang yang serius di antara anak-anak dan ibu bapa dan peningkatan masalah sosial dan

jenayah yang melibatkan remaja.

Ibu bapa perlu kualiti hidup keluarga mengambil langkah-langkah emai ke dalam aspek moral asas yang cemerlang asas masyarakat yang satu padu.

Selain itu apa program yang boleh berikan moral anak terhadap tanggungjawab mereka sendiri, inisiatif negara.

Berhubung kaitan daulatan undang-undang saya dengan generasi mereka amat memerlukan impinan melalui t

Sehubungan itu perlu menjadi corak generasi muda kita cemerlang luhuran undang-undang sosial serta tingka

TAN SRI LEE LAM THYE
Pencegahan Jenayah